



## MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

### KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Majlis Perbandaran Kuantan** untuk mengemukakan tawaran buat masa ini bagi bekalan/perkhidmatan berikut:-

BIL	TAJUK	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA	LESEN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP
1	Cadangan Melaksanakan Kerja-kerja Penyelenggaraan Server Dan Peralatan Berkaitan, Peralatan Serta Rangkaian Untuk Majlis Perbandaran Kuantan (Tawaran Semula)  <b>MPK/W/SH:47/2017</b>	<b>RM31.80</b> (termasuk GST - tidak akan dikembalikan).  Bayaran tunai/Kiriman Wang/Bank draf (daripada Bank Tempatan Berlesen)	Kementerian Kewangan Malaysia  Kod Bidang – <b>210103, 210105</b>	Kaunter Berpusat Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan	<b>31 Julai 2017 (Isnin) jam 12.00 tengahari.</b>

1. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli pada waktu pejabat sahaja mulai **17 Julai 2017 (Isnin)** di kaunter berpusat **Ibu Pejabat, Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur**.
2. Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Majlis Perbandaran Kuantan, Sijil Kementerian Kewangan** dan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** semasa pembelian dokumen sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dimeteri serta bertulis di sudut kiri atas tajuk seperti di atas dan dikembalikan kepada:- **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan, Bahagian Belanjawan dan Perolehan, Jabatan Perbendaharaan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh **31 Julai 2017 (Isnin)**.
4. Pihak MPK tidak terikat untuk menerima tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa juga perbelanjaan yang ditanggung oleh petender untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Pengurusan dan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Kuantan** di talian : **09-5121620 / 09-5121612**.